

JABATAN KORPORAT
TARIKH: 15.08.2023 MASA: 08.35am
MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN
**YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA
**MAJLIS PENUTUPAN SESI LIBAT URUS
PELAKSANAAN PROGRAM PEMBINAAN EKSPRESS
(E10) BERSAMA AGENSI TEKNIKAL DALAMAN
JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC) MAJLIS
BANDARAYA SEBERANG PERAI**

TARIKH / MASA / TEMPAT
**16 OGOS 2023 (RABU)
12.00 TENGAH HARI**

**HOTEL HOMPTON
TANJUNG BUNGAH
PULAU PINANG**

Terima kasih Saudara / Saudari Pengerusi Majlis

Encik Mohamad Azrol Bin Mohamad Dali

Pengarah

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Pejabat Wilayah Utara

TPr Haji Hamzah bin Ab Halim (Penceramah)

Pengarah

Jabatan Perancangan dan Landskap

Majlis Perbandaran Kulim Kedah

Nurvanida Alisha binti Sinnappan

Ketua Unit OSC merangkap Fasilitator E10 : SPerai Fast Lane

Ketua-Ketua Jabatan dan wakil-wakil Jabatan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Para Peserta Bengkel

dan semua para hadirin

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Tengah Hari dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, dipanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan keizinan-Nya juga kita dapat bersama-sama pada hari ini hadir dalam **Majlis Penutupan Sesi Libat Urus Pelaksanaan Program Pembinaan Ekspress (E10) Bersama Agensi Teknikal Dalaman Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Majlis Bandaraya Seberang Perai anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Wilayah Utara** di Hotel Hompton, Tanjung Bungah, Pulau Pinang.
2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Encik Mohamad Azrol bin Mohamad Dali, Pengarah Pejabat Wilayah Utara dan Perbadanan Produktiviti Malaysia Wilayah Utara kerana sudi menganjurkan bengkel dua hari ini untuk pasukan E10 MBSP yang terdiri daripada 30 kakitangan MBSP yang telah berlangsung sejak semalam (15 Ogos 2023) dan berakhir hari ini (16 Ogos 2023).
3. Penganjuran bengkel pada kali ini melibatkan Agensi Teknikal Dalaman MBSP iaitu Jabatan-Jabatan yang memproses/memperaku

iaitu Jabatan Perancang Bandar, Jabatan Bangunan, Jabatan Kejuruteraan, dan Jabatan Landskap; dan juga Jabatan-Jabatan yang menganggotai JK OSC serta memberikan ulasan teknikal iaitu Jabatan Perkhidmatan Kesihatan, Jabatan Perkhidmatan Perbandaran, Jabatan Pesuruhjaya Bangunan (COB), Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta serta Jabatan Pelesenan. Bagi tujuan pemantauan, turut hadir adalah Jabatan Undang-Undang dan Unit Audit Dalam.

4. Seperti yang kita sedia maklum, E10 pada asalnya merupakan satu cetusan idea atau inisiatif MPC (pemudah cara / penggerak) bagi pengeluaran permit pembinaan secara pantas iaitu *Express Construction Permit* (Permit Pembinaan Ekspres). Inisiatif ini diperkenalkan bagi membolehkan interaksi yang berkesan di antara pelabur dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk memudahkan kerja-kerja pembinaan dan akhirnya pengeluaran produk dapat dikeluarkan mengikut garis masa yang telah ditetapkan tanpa kelewatan.
5. E10: *Seberang Perai Fast Lane* atau *SPERAI FAST LANE* iaitu Permit Pembinaan Ekspress di MBSP juga merupakan satu inisiatif mesra pelabur dan dilaksanakan dengan kerjasama pelbagai jabatan yang

terlibat secara langsung atau tidak langsung di dalam Jawatankuasa OSC MBSP dengan tujuan menambahbaik proses dan prosedur bagi mempercepat serta memendekkan tempoh masa kelulusan kebenaran merancang dan lain-lain permohonan pelan pemajuan sehingga ke peringkat CCC. Secara ringkas, EI0 : *SPERA! FAST LANE* ini merujuk kepada

- ✓ Permit Pembinaan Ekspress;
- ✓ Peraturan Tangkas (*Agile Regulation*);
- ✓ Interaksi berkesan antara pelabur dan MBSP; dan
- ✓ Tiada kelewatan, *flexible* tanpa melanggar peraturan.

6. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memaklumkan bahawa baru-baru ini, pihak Jabatan Kerajaan Tempatan dan PLANMalaysia telah mengumumkan bahawa Majlis Bandaraya Seberang Perai terpilih sebagai PBT Perintis bagi pelaksanaan Inisiatif Transformasi PBT – “*Ease of Doing Business*”. Pemilihan MBSP adalah berdasarkan input dari MIDA berkaitan dengan bilangan Lesen Pengilang (*Manufacturing Licence*) yang dikeluarkan di kawasan MBSP. Sebanyak 10 PBT telah dipilih di seluruh Malaysia untuk pelaksanaan inisiatif ini (Majlis Daerah Tg Malim, Majlis Bandaraya Klang, Majlis Bandaraya Seremban, Majlis Bandaraya Kuantan, Majlis

Perbandaran Kulai, Majlis Perbandaran Pengerang, Majlis Bandaraya Ipoh, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah, Majlis Perbandaran Kubang Pasu dan Majlis Bandaraya Seberang Perai).

7. Pelaksanaan EI0: *SPERAI FAST LANE MBSP* adalah selaras dengan pelaksanaan Inisiatif Transformasi PBT – “*Ease of Doing Business*” ini di mana MBSP telah pun memulakan usaha-usana pelaksanaan sejak 2021 lagi dengan mengadakan pelbagai bengkel-bengkel dan mesyuarat-mesyuarat berkaitan pelaksanaan EI0 serta penubuhan pasukan *SPERAI FAST LANE*, MBSP.
8. MBSP akan melaksanakan inisiatif E10 secara berfasa ke atas projek pembangunan dan pembinaan terutamanya pembangunan perindustrian dengan tujuan memudahkan dan mempercepatkan pelaburan, perdagangan dan produktiviti di Seberang Perai. Isu kelewatan dan isu-isu berhubung dengan penambahbaikan proses permohonan kebenaran merancang adalah antara perkara-perkara yang sering dibangkitkan dalam pelbagai platform. Maka MBSP telah mengambil langkah-langkah di dalam mempercepatkan proses permohonan tanpa melanggar sebarang peraturan di mana proses penambahbaikan yang dilaksanakan termasuklah meneliti tempoh

kelulusan yang ditetapkan serta peranan agensi-agensi teknikal terlibat serta proses kerja yang boleh dipermudah;

9. Dalam melaksanakan inisiatif ini, banyak pihak yang terlibat, iaitu dari peringkat awal melibatkan pihak pelabur, pemaju, pihak perunding, agensi teknikal dalaman MBSP dan juga agensi teknikal luaran serta pihak bekepentingan iaitu *Penang Development Corporation* (PDC) dan *InvestPenang*.
10. Melalui bengkel ini peserta dapat mengenalpasti dan mengatasi faktor-faktor yang menghalang atau melambatkan proses pengeluaran permit pembinaan seperti prosedur yang terlalu banyak, masa pemprosesan yang panjang dan maklumat yang tidak telus. Hasil dan impak daripada pelaksanaan bengkel ini, pegawai dan kakitangan yang hadir dapat: -
 - i. Melaksanakan pengeluaran permit pembinaan secara pantas.
 - ii. Membolehkan interaksi yang berkesan di antara pelabur dan MBSP.
 - iii. Kerja-kerja pembinaan mudah dilaksanakan dan pengeluaran produk dapat dikeluarkan mengikut garismasa yang telah ditetapkan tanpa kelewatian.

11. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Wilayah Utara yang menganjurkan bengkel dua hari ini bersama-sama dengan team penceramah dari Majlis Perbandaran Kulim, Kedah iaitu Tuan Haji Hamzah bin Ab Halim, Pengarah Perancang dan team Unit MyMudah dan juga fasilitator pasukan EI0: *SPERA/ FAST LANE* iaitu Unit OSC, MBSP.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.